



SPRM¹

SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA



SPRM BIL. 5/2015

ISSN : 1675-5170

Ulang Tahun
SPRM
48

04 **Malaysia Hos**
Persidangan Anti Rasuah
Antarabangsa Ke-16

06 **Morais:**
Jasa dan Kenangan



KANDUNGAN

KANDUNGAN	2
PENA PENGARANG	2
Selamat Ulang Tahun Ke-48 BPR/SPRM	3
Malaysia Hos Persidangan Anti Rasuah Antarabangsa Ke-16	4
Putrajaya Declaration: Zero Tolerance Against Impunity	5
Morais: Jasa dan Kenangan	6
LENSA	8
Kisah Seorang Tokoh Pembangunan	10
SPRM Melancarkan Anti-Corruption and Ethics (ACE) Centre	11
War Against Corruption is a War for All	12
Janji Pilihan Raya Bukan Rasuah	13
SPRM Terima Dua Anugerah Cemerlang ICT Agensi	14

Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil
Penasihat Eksekutif Editorial

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Tahun 2015 merupakan tahun ke-48 penubuhan BPR/SPRM, agensi yang telah banyak mencerahkan baktinya kepada negara tercinta ini.

Sambutan ulang tahun BPR/SPRM kali ini dibuat secara sederhana tetapi bermakna. Di sebalik kegembiraan sambutan ini, pelbagai peristiwa pahit dan manis dilalui SPRM.

Persidangan IACC yang berlangsung pada 2 hingga 4 September 2015 merupakan satu kenangan manis bagi SPRM. Julung-julung kali SPRM dipilih menjadi tuan rumah kepada persidangan antarabangsa ini.

Persiapan bagi menganjurkan persidangan ini menampakkan hasilnya apabila ia berlangsung dengan amat baik. Persidangan yang bertemakan '*Ending Impunity: People. Integrity. Action*' ini berjaya menghimpunkan seramai 1,200 peserta dari 130 negara. Pada majlis penutup, Deklarasi Putrajaya yang mengandungi lapan perkara yang diputuskan oleh negara-negara terlibat.

SPRM menerima khabar duka di saat negara sedang menyambut Hari Malaysia pada tanggal 16 September 2015. SPRM dikejutkan dengan berita kematian tragis Timbalan Pendakwa Raya (TPR) hebat yang pernah berkhidmat selama 10 tahun di SPRM iaitu, Tuan Kevin Anthony Morais.

Mendiang mula berkhidmat dengan SPRM pada tahun 1994 sehingga tahun 2014 sebelum bertukar ke Jabatan Peguam Negara. Sepanjang perkhidmatan, beliau merupakan seorang TPR yang terkenal dengan sikap tegas, berhemah tinggi dan amat profesional dalam melaksanakan tugasnya. Beliau tidak pernah bertolak ansur dalam kes-kes rasuah yang dikendalikan.

Kehilangan Tuan Kevin yang mati dibunuhan bukan sahaja diratapi oleh ahli keluarga dan rakan-rakan beliau, bahkan satu negara. Bagi memperingati jasa mendiang, SPRM telah menamakan *moot court* yang terletak di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) sebagai *Moot Court Kevin Morais* pada hari ulang tahun SPRM.

Takziah kepada seluruh ahli keluarga Tuan Kevin. ♦

PENCETAK

MPH Group Printing (M) Sdn Bhd
No. 31, Jalan 2/148A, Taman Sungai Besi Industrial Park,
57100 Kuala Lumpur.



Selamat Ulang Tahun Ke-48 BPR/SPRM

48 tahun yang lalu seawal penubuhannya, ramai yang ragu dan mempersoalkan keperluan mewujudkan agensi ini. Di kala itu, polis memainkan peranan dalam semua bentuk jenayah dan Kanun Keseksaan menjadi akta rujukan bagi kesalahan jenayah yang dilakukan.

Bertitik tolak daripada cadangan yang dibuat oleh seorang mantan pegawai tinggi Pasukan Polis Pakistan, Shah Nazir Alam, satu badan khas yang menyiasat tentang salah laku rasuah telah ditubuhkan pada 1 Oktober 1967. Agensi baru ini dinamakan Badan Pencegah Rasuah atau singkatannya BPR.

Hari ini pada tanggal 1 Oktober, agensi yang telah mengalami banyak transformasi sejak ditubuhkan itu berdiri megah sebagai sebuah organisasi hebat yang dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

2015 merupakan antara tahun yang mencatatkan pelbagai halangan, rintangan dan peristiwa pahit dalam lipatan sejarahnya.

Ulang tahun ke-48 BPR/SPRM disambut dengan tema ‘Jihad Memerangi Rasuah’. Melalui tema ini, SPRM mengajak masyarakat pelbagai lapisan untuk bersama-sama memerangi jenayah keji ini. Peperangan ke atas jenayah rasuah mesti dianggap satu ‘jihad’ bagi memastikan negara kita bebas rasuah. Mereka yang melakukan jenayah itu, pasti akan dihukum, tidak kira siapa.

Meneruskan tradisi sambutan ulang tahun BPR/SPRM, satu perhimpunan khas diadakan di ibu pejabat SPRM pada pagi 1 Oktober 2015. Dalam ucapan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed menegaskan, apa juar rintangan dan dugaan yang melanda tidak sesekali akan melemahkan semangat pegawai-pegawai SPRM. Tan Sri Abu Kassim juga memberi amaran bahawa tiada siapa yang akan terlepas daripada disiasat walau setinggi mana sekalipun jawatannya.

Bertempat di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia pula, diadakan Majlis Perasmian Kevin Morais Moot Court sebagai menghargai dan mengenang jasa mendiang Timbalan Pendakwa Raya, Anthony Kevin Morais. Majlis ini disertai oleh barisan pengurusan tertinggi SPRM, ahli keluarga mendiang, ahli-ahli badan bebas SPRM, pegawai-pegawai daripada Jabatan Peguam Negara dan SPRM.

Pada sesi malamnya, diadakan Program Bacaan Yasin dan Solat Hajat Perdana Sempena Ulang Tahun BPR/SPRM ke-48 di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS). Seramai 500 warga SPRM dan KUIS hadir.

Sambutan ulang tahun turut diadakan di peringkat negeri. Selain solat hajat dan bacaan Yasin, pelbagai program dilaksanakan untuk memeriahkan sambutan kali ini.

Selamat ulang tahun SPRM! Semoga SPRM mencapai impian menjadi agensi terbaik dunia. 

Malaysia Hosts Persidangan Anti Rasuah Antarabangsa Ke-16

Buat pertama kalinya, Malaysia diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah kepada Persidangan Anti Rasuah Antarabangsa (International Anti-Corruption Conference atau IACC) Ke-16 di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya pada 2 hingga 4 September 2015.

Persidangan dua tahun sekali yang bertemakan '*Ending Impunity: Public, Integrity, Action*' ini merupakan persidangan anjuran bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), IACC Council, Transparency International dan Transparency International Malaysia (TI-M).

IACC merupakan pertemuan pencegahan rasuah yang terbesar dan disertai pakar-pakar terkemuka pelbagai jurusan dari seluruh dunia. Platform ini juga digunakan pelbagai negara berkongsi maklumat terkini mengenai kemajuan dan cabaran dalam usaha memerangi rasuah.

Sebanyak empat sesi bengkel diadakan secara serentak pada sebelah pagi melibatkan 14 pembentangan kertas kerja. Manakala di sebelah petang pula, lima lagi sesi bengkel berlangsung serentak melibatkan 21 pembentangan kertas kerja.

Selain pembentangan kertas kerja, terdapat 17 gerai pameran yang dibuka sempena persidangan IACC Ke-16. Antara agensi yang terlibat dalam pameran ini ialah SPRM, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA), Petronas dan TI-M.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Mustafar bin Ali berkata, penganjuran IACC Ke-16 juga telah memberikan impak yang positif kepada Malaysia dan secara khususnya memanfaatkan SPRM dari tiga sudut penting.

Pertamanya, IACC Ke-16 yang dianjurkan oleh Malaysia di Putrajaya, telah membolehkan Malaysia berkongsi amalan-amalan baik dalam bidang pencegahan rasuah, antaranya kewujudan Mahkamah Khas Rasuah, Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) yang bertindak sebagai pusat latihan pencegahan rasuah dan pembentukan Panel Penilaian Operasi (PPO).

Kedua, SPRM melalui persidangan ini telah berjaya membina rangkaian kerja dengan pelbagai pihak luar, termasuk agensi-agensi pencegahan rasuah dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti Bank Dunia.

Bersempena dengan penganjuran IACC kali ini, SPRM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Timor Leste dan juga Maldives dalam membina kerjasama lebih erat bagi membanteras rasuah.

"Ini merupakan satu lakaran yang bersejarah," kata beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Induk Penganjuran.

Di samping itu, ada beberapa negara juga telah mengemukakan permintaan untuk menandatangani MoU dengan SPRM, antaranya Pakistan, Iran dan Mongolia.

Menurut Datuk Mustafar lagi, banyak pihak mengemukakan permintaan supaya pegawai mereka dilatih di MACA.

"MACA bukan sahaja entiti, tetapi hub serantau apabila bukan sahaja pegawai tempatan menerima latihan tetapi ratusan pegawai dari peringkat antarabangsa turut menerima latihan," katanya.

SPRM juga telah menerima kunjungan delegasi dari sembilan negara yang telah menyumbang kepada perkongsian amalan-amalan baik dan pengalaman memerangi rasuah. Antara negara yang mengadakan kunjungan hormat ke atas kepimpinan SPRM ketika IACC Ke-16 ialah Kenya, Bhutan, China, Pakistan, Iran, Timor Leste dan Senegal.

Ketiganya, IACC Ke-16 juga telah memberi peluang kepada SPRM untuk menjelaskan kepada masyarakat luar tentang isu-isu semasa.

"Kita telah mengambil peluang untuk berdiskusi dengan fakta dan angka dan saya yakin dapat membentulkan persepsi sesetengah pihak tentang Malaysia, khususnya dari sudut perlakuan rasuah," kata beliau.

Kata beliau, Malaysia komited untuk belajar dan berkongsi maklumat dengan rakan-rakan antirasuah dari seluruh dunia dan memupuk pertukaran pengalaman global dan kaedah berkesan menentang rasuah.

"Sebagaimana pernah disebutkan sebelum ini, pertemuan di Putrajaya telah menyediakan platform holistik kepada peserta untuk berkongsi pandangan dan pengalaman mereka bagi memerangi rasuah dengan lebih berkesan," katanya.

Datuk Mustafar juga berkata, SPRM gembira dengan pencapaian persidangan kali ini kerana telah berjaya menarik lebih 1,200 peserta dari lebih 130 negara.

"Jumlah penyertaan ini lebih berbanding 1,000 yang disasarkan. Persidangan ini penting kerana kecanggihan jenayah rasuah ketika ini memerlukan kepakaran pencegahan secara bersepada bukan sahaja dalam negara, malah di peringkat antarabangsa," katanya.

IACC Ke-16 juga mengeluarkan 'Deklarasi Putrajaya' sempena persidangan kali ini. 



Ucaprama oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low pada 2 September 2015.



PUTRAJAYA DECLARATION: ZERO TOLERANCE *against* IMPUNITY

- Efforts to recover stolen assets are as important as making sure there is no safe haven for the corrupt or a way for them to enjoy illicit wealth. It should be made impossible for the corrupt to use diplomatic passports and investor's visa programmes to avoid justice.
- The G-20 and non-governmental organisations have called on countries to impose travel restrictions on individuals suspected of corruption, believing that, if sufficient guarantees are put in place, these measures can act as a sanction as well as disincentive. These restrictions must be enforced so that the corrupt cannot easily travel to expand their illegal activities, as well as buy luxury goods and real estate.
- Professionals, such as bankers, lawyers, real estate agents, accountants who fail to exercise adequate due diligence, thus allowing the movement of illicit funds across borders must themselves be sanctioned.
- The corrupt should not be able to use secret companies to hide their wealth. G20 leaders adoption of principles on beneficial ownership in Brisbane was the starting point and now G20 countries must take the lead.
- Banks should make every effort to comply with anti-money laundering laws and prevent money laundering from flourishing, while other sectors such as the accountancy and the legal professions should stop facilitating corruption. The international anti-money laundering legal framework is inadequate and should be strengthened to ensure more robust control and punishment.
- Open Contracting should become a key tool for all governments. It is relevant across all sectors of government, from education, health to infrastructure that ensures governments receive value for money, citizens are able to participate in the decision making process, and allow fair competition for business.
- Grand corruption should become a crime of international law. This will enable international institutions and alliances to prosecute offenders, as well as develop additional international mechanisms to apprehend, prosecute, judge, and sentence those who have committed crimes of grand corruption.
- In the context of the discussions, the delegates called for the full independence and autonomy of all anti-corruption bodies.

Morais: Jasa dan Kenangan

HARI ini genap sebulan tragedi menimpa Anthony Kevin Morais, bekas Timbalan Pendakwa Raya ini dilaporkan hilang pada 4 September yang lalu.

Saya mewakili lebih 2,900 suara hati warga kerja Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberi penghormatan kepada seorang insan bernama Tuan Kevin Morais, yang telah meninggalkan kita.

Justeru, majlis menamakan Moot Court, mahkamah latihan Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) pada 1 Oktober 2015 sungguh bermakna kerana diadakan sempena ulang tahun kelahiran ke-48 BPR/SPRM, yang disambut pada 1 Oktober 2015.

Sambutan 1 Oktober bukan sekadar meraikan detik bersejarah setiap tahun, sebaliknya ia menjadi satu wadah bagi seluruh warga SPPM merenung sejauh mana SPPM telah melunaskan kewajipan yang diamanahkan dan setakat mana impak sumbangan serta kehadiran kita dalam perjuangan memerangi jenayah rasuah.

Sambutan berbeza

Bagaimanapun, sambutan kali ini agar berbeza kerana ia diadakan ketika kita kehilangan seorang pegawai yang telah mendapat tempat di hati setiap warga kerja SPPM, dalam satu peristiwa yang sangat tragis sekali.

Di ketika SPPM berada pada Ulang Tahun BPR/SPRM Ke-48, SPPM telah diuji dengan pelbagai dugaan yang penuh mencabar beberapa bulan yang lalu, yang tidak disangka sama sekali.

Dugaan dan ujian ini satu situasi yang penuh mencabar bagi setiap warga kerja di SPPM. SPPM hanya menjalankan amanah yang telah diberikan menerusi lunas perundungan demi melahirkan satu persekitaran bebas rasuah. SPPM perlu bebas, telus, profesional dan tegas dalam melaksanakan amanah yang sedang dipikul ini.

Pengurusan tertinggi SPPM berharap dan penuh yakin pegawai-pegawai SPPM akan terus menjalankan tugas masing-masing tanpa rasa takut dan gementar. Pegawai-pegawai SPPM perlu meneruskan tanggungjawab dengan bebas, telus dan profesional demi negara dan demi rakyat. Ia perlu dijadikan pedoman dalam apa jua situasi dihadapi.

Dugaan dan ujian

Sementara warga kerja SPPM baru hendak melangkah keluar dari dugaan dan ujian yang amat mencabar, SPPM dikejutkan dengan pembunuhan Tuan Kevin Morais dengan kejam dan tidak berperikemanusiaan. Tragedi ini sesuatu yang amat mengejutkan dan menyedihkan.

Semua sedia maklum, Tuan Kevin seorang pegawai yang amat amanah, ikhlas dan telah memperlihatkan komitmen yang amat tinggi sepanjang berkhidmat untuk SPPM dalam mengendalikan kes-kes rasuah.

Tuan Kevin merupakan simbol seorang pegawai yang peramah, rendah diri dan berhemah. Personaliti dan gaya tersendiri beliau masih segar dalam ingatan. Kehilangan Tuan Kevin satu kerugian yang teramat besar kepada keluarga mendiang, Jabatan Peguam Negara dan SPPM, dan amat sukar untuk digambarkan.

Bukan halangan

Justeru, saya yakin kejadian yang penuh tragis ini tidak akan sesekali melunturkan atau mematahkan semangat barisan Timbalan Pendakwa Raya yang ditempatkan di SPPM.

Malah, dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan oleh mendiang akan terus menyemarakkan lagi semangat pegawai-pegawai SPPM dan Timbalan Pendakwa Raya untuk meneruskan perjuangan



mempertahankan keluhuran undang-undang dan memperhebatkan usaha memerangi jenayah rasuah.

Kes pertama

Seingat saya, ini kes pertama seorang Timbalan Pendakwa Raya di Malaysia berhadapan dengan situasi penuh tragik di negara ini.

Jika sebelum ini, kita hanya mendengar kejadian pembunuhan ke atas Timbalan Pendakwa Raya di negara-negara lain, tetapi pada hari ini, kejadian yang sama menimpa negara kita.

Saya mengenali Tuan Kevin sejak lebih 10 tahun yang lalu. Beliau merupakan seorang pegawai undang-undang yang menyelami pendekatan-pendekatan dan kaedah-kaedah terkini yang digunakan oleh SPPM dalam menjalankan siasatan. Dalam erti kata lain, Tuan Kevin menghayati '*the new way of doing business*' dalam perjuangan memerangi jenayah rasuah.

Tuan Kevin seorang yang mudah didekati. Beliau boleh dirujuk dan didampingi oleh mana-mana pegawai SPPM pada bila-bila masa. Tidak kira hari, tidak kira masa.

Tuan Kevin sinonim dengan nama sebagai 'pusat rujukan bergerak' buat warga kerja SPPM - seorang arif dan berpengetahuan luas dalam aspek perundungan, dan boleh memberi input dan pandangan dengan cepat dan mudah berkaitan nas undang-undang berkaitan kes-kes rasuah.

Sumbangan Kevin

Itulah seorang insan yang bernama Anthony Kevin Morais. Saya menghadapi kesukaran untuk mencari kata-kata yang lebih sesuai bagi menggambarkan sikap dan sifat berkualiti mendiang yang serasi dengan perjuangan SPPM.

Hanya mereka mengenali dengan rapat tahu betapa SPPM telah kehilangan seorang pegawai dari Jabatan Peguam Negara, yang ditempatkan di SPPM sebagai Timbalan Pendakwa Raya dan kemudian menyandang jawatan sebagai Timbalan Pengarah Bahagian Perundungan dan Pendakwaan.

Sumbangan mendiang kepada SPPM bukan satu, bukan dua, senarai ini akan manjang jika kita menggariskan kesemuanya.

Pengiktirafan UNODC

Pada 2013, SPPM dan Malaysia menerima pengiktirafan United Nations Office for Drugs and Crime (UNODC) berhubung 23 amalan baik dan kejayaan melaksanakan strategi pencegahan rasuah.

Tuan Kevin merupakan wakil Jabatan Peguam Negara yang mengetengahkan senarai hujah berkenaan pendekatan dan strategi diambil oleh SPPM dan Malaysia dalam melaksanakan Konvensyen Pencegahan Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCAC).

Malah mendiang juga merupakan salah seorang wakil SPPM dan Malaysia yang terlibat dalam proses penilaian ke atas beberapa negara yang menerima pakai UNCAC.

Malah, sumbangan dan peranan mendiang di MACA juga cukup besar di mana beliau menjadi tenaga pengajar bidang perundungan dan pendakwaan.

Dalam perkara ini, ketiadaan beliau bukan sahaja dirasai oleh rakyat Malaysia. Malah, komuniti antarabangsa yang mengenali beliau turut merasai perkara yang sama.

Sumbangan beliau turut diiktiraf oleh International Anti-Corruption Academy (IACA), di mana Dekan dan Setiausaha Eksekutifnya, Martin Kreutner sendiri menulis e-mel kepada saya melahirkan simpati atas kehilangan Tuan Kevin. Beliau merupakan salah seorang pensyarah yang mengendalikan kursus Pengajian Sarjana Pencegahan Rasuah (MACS) di MACA pada tahun 2014. Program ini ditawarkan oleh IACA.

Laporan portal IACA pada 28 September 2015 (Isnin lalu), antara lain menyebut bahawa “*IACA has learned with great sadness of the death of Anthony Kevin Morais, a deputy public prosecutor in Malaysia who was a lecturer on the Academy's first Master in Anti-Corruption Studies (MACS) programme. Participants (of MACS) greatly appreciated his highly capable, knowledgeable, and approachable style, as well as his humble and inspiring approach.*”

Tuan Kevin telah mengharumkan nama institusi penegak undang-undang di Malaysia dan juga di arena antarabangsa. Dunia akan mengingati mendiang selama-lamanya.

Warisi sifat positif

Sementara kita sama-sama sedih dengan kehilangan Tuan Kevin yang komited, yang berdedikasi dan berintegriti, apa yang penting, kita wajar mewarisi nilai-nilai positif yang telah ditinggalkan oleh mendiang.

Beliau merupakan Timbalan Pendakwa Raya contoh yang wajar dijadikan teladan dalam usaha terus menegakkan sistem keadilan tanpa takut dan gementar.

Saya mengenali Tuan Kevin, beliau hanya akan melakukan yang betul setiap masa untuk menegakkan undang-undang - *“doing the right things always in upholding the law.”*

Cabarani misi anti rasuah

Cabarani-cabarani pegawai anti rasuah dan penegak undang-undang cukup besar. Ada yang kehilangan jawatan. Ada yang kehilangan nyawa, ada yang kehilangan anggota keluarga.

Kita pernah menyaksikan ada anggota penguasa diugut, diancam dan diseksa hanya kerana tidak mematuhi atau memenuhi kehendak pihak-pihak tertentu.

Di negara-negara tertentu, pegawai penguasa berhadapan dengan ancaman dan ugutan dalam pelbagai bentuk dan cara. Pegawai penyiasat, Timbalan Pendakwa Raya dan juga hakim menjadi mangsa tindakan pihak yang tidak mahu mereka disiasat dan dihadapkan ke mahkamah.

Pegawai-pegawai penyiasat SPRM juga pernah berhadapan dengan situasi mereka ditembak. Malah, ada juga pegawai penyiasat SPRM yang pernah diancam, diugut dan mengalami kerosakan harta benda. Semasa dalam siasatan atau semasa dalam perbicaraan, pegawai-pegawai penyiasat seringkali berhadapan dengan toh�ahan dan penghinaan. Situasi pahit ini hanya kami yang tahu, saya sendiri melalui suasana ini.

Pada pengalaman saya selama lebih tiga dekad dalam bidang pencegahan rasuah, situasi yang dialami Tuan Kevin, saya lihat sebagai satu cubaan untuk menggagalkan kes yang sedang dibicarakan di mahkamah atau usaha untuk mengganggu dan menakut-nakutkan atau satu bentuk intimidasi ke atas pegawai-pegawai pencegahan rasuah. Mereka sanggup menggunakan apa saja cara untuk menghalang siasatan.

Pada pandangan saya, tindakan pihak-pihak tertentu itu hanya boleh melengahkan siasatan atau pendakwaan. Tetapi tidak akan menghentikan siasatan dan kes-kes yang didengari oleh mahkamah sama sekali.

Contoh dalam tragedi melibatkan Tuan Kevin, kita kehilangan seorang Timbalan Pendakwa Raya yang komited dan berintegriti. Tugas dan tanggungjawab mendiang akan diambil alih oleh Timbalan Pendakwa Raya yang lain.

Kepada pihak-pihak yang mahu menghalang siasatan dan kes yang dibicarakan, dunia hari ini sudah berbeza. Anda tidak boleh lari daripada sistem keadilan.

Jangan cuba menghalang, mengganggu dan mengekang proses siasatan dan perbicaraan. *“You can win your battle to hide the evidence from the eye of law enforcement, but you can't hide from the eye of the public.”*

Dalam dunia hari ini, tiada tempat untuk mana-mana pihak atau individu yang mahu mengelak daripada siasatan dan pendakwaan. Mereka boleh mengelak daripada dikesan untuk satu tempoh tertentu - satu bulan, dua bulan, satu tahun, dua tahun, tetapi tidak selamanya.

Ingat, siasatan tidak akan berhenti hanya kerana ada pihak yang cuba menyembunyikan bukti atau melarikan saksi. Jika terbukti bersalah, mahkamah adalah tempat pengadilan kelak. Rakyat akan menilai dan menghukum anda!

Tidak kira anda seorang rakyat biasa, ahli perniagaan, tokoh korporat dan pemimpin politik.

Teruskan amanah

Kepada warga kerja SPRM, harapan saya, teruskanlah tugas dan tanggungjawab sebagaimana diharapkan oleh rakyat, dengan bebas, telus dan profesional.

Ini sebahagian ujian dan dugaan yang kita perlu lalui sebagai seorang pegawai pencegahan rasuah dan warga kerja SPRM. Pengurusan tertinggi SPRM akan terus bersatu dalam menangani kesemua dugaan yang kita sedang hadapi sekarang.

Kita mahu memastikan kehendak rakyat sentiasa diutamakan dengan bersandarkan kepada prinsip profesionalisme di mana elemen tegas, adil dan amanah akan dipertahankan.

Justeru, saya berharap masyarakat akan terus bersama dengan SPRM, terus memberi sokongan supaya nasib yang menimpa Tuan Kevin tidak berulang.

Kita tidak mahu seorang lagi Timbalan Pendakwa Raya gugur di tangan pihak yang hanya mengutamakan kepentingan diri sendiri. Kita tidak mahu mana-mana hakim gugur kerana sikap menguntungkan diri pihak-pihak tertentu. Begitu juga mana-mana anggota pasukan penguasa dan penegak undang-undang.

Sokongan rakyat perlu dan amat penting bagi memastikan siasatan dapat dijalankan dengan bebas dan berkesan dan jika kes telah dibawa ke mahkamah, perbicaraan harus berjalan dengan lancar tanpa gangguan dalam apa jua bentuk. SPRM berjanji akan melindungi kepentingan rakyat dan negara.

Tuan Kevin tidak bersendirian dalam perjuangan memerangi jenayah rasuah. Segala sumbangan mendiang adalah satu legasi kepada kita semua.

Setiap anggota institusi penegak undang-undang, khususnya pegawai pencegahan rasuah akan menjadikan legasi beliau sebagai contoh. Seluruh warga kerja SPRM menyantung komitmen dan dedikasi tinggi yang telah diperlihatkan oleh Tuan Kevin, yang merupakan satu ikon yang berani, berintegriti dan berdedikasi dalam membawa kes-kes SPRM.

Kehilangan Tuan Kevin menjadi penüp semangat untuk kami mempertahankan kedaulatan undang-undang negara ini. Kami yang masih hidup ini berjanji, pengorbanan Tuan Kevin menjadi kekuatan untuk memerangi rasuah tanpa kira besar atau kecil.

Tiada siapa yang kebal dari tindakan undang-undang walau setinggi mana kedudukan mereka. Selagi kami memegang amanah ini, selagi itu pengharapan rakyat akan diutamakan. 

Ucapan Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed pada Majlis Perasmian Kevin Morais Moot Court pada 1 Oktober 2015.



LENSA



Mantan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Mohd Ali bin Mohd Rustam turut menyertai kolokium yang julung-julung kali diadakan oleh Kerajaan Negeri Melaka.



Dato' Shamshun Baharin bin Mohd Jamil mengetuk gong sebagai perasmian WAR pertama di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil di Melaka.



Ahli keluarga Mendiang Kevin Morais diberi penghormatan meletakkan papan tanda 'Kevin Morais Moot Court'.



Dato' Sri Shukri membacakan teks ucapan Tan Sri Ketua Pesuruhjaya SPRM semasa Majlis Penamaan 'Kevin Morais Moot Court' pada 1 Oktober 2015.



Para pelajar tidak melepaskan peluang bersalam dengan Ejen Lang yang merupakan maskot bagi program WAR.



Dialog TKP (Pencegahan) SPRM Bersama Komuniti Orang Asli pada 26 Oktober 2015 di ibu pejabat SPRM.



Al-fadhil Tuan Haji Hushim bin Haji Salleh menyampaikan ceramah semasa program nilai-nilai murni yang bertajuk 'Kerjaya Satu Ibadah' di Dewan B2, Kompleks D, Putrajaya pada 20 Oktober 2015.



Mesyuarat Bilateral dan Working Group pertama antara SPRM dan National Anti-Corruption Commission (NACC), Thailand pada 22-23 Oktober 2015 di Alor Setar, Kedah.



Program Bacaan Yasin dan Solat Hajat Perdana Sempena Ulang Tahun BPR/SPRM ke-48 di Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) pada 1 Oktober 2015.



PPj Siti Zakiah memberi penerangan mengenai risalah yang diberikan kepada YB Datuk Paul Low ketika beliau melawat booth pameran SPRM semasa IACC Ke-16.



Lawatan pelajar UIAM ke SPRM - Pelajar-pelajar diberi taklimat oleh PKPS Rozlina binti Hashim di Galeri SPRM pada 2 Oktober 2015.



Datuk Mustafar bin Ali bersama Dato' Wan Mohamad bin Sheikh Abd. Aziz melawat Information Research Centre (IRC) di Wisma Bapa Malaysia, Kuching, Sarawak semasa Kunjungan Hormat PPPR ke atas Ketua Menteri Sarawak pada 29 Oktober 2015.



IACC Ke-16 menerima penyertaan lebih kurang 1,200 peserta dari 130 buah negara.



KISAH SEORANG TOKOH PEMBANGUNAN

Tanggal 12 Ogos 2015, SPRM kehilangan seorang tokoh yang telah banyak menyumbang jasa kepada usaha pencegahan rasuah di negara ini. Setelah lebih 33 tahun berkhidmat, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme), Dato' Sri Zakaria bin Jaffar bersara wajib.

Dato' Sri Zakaria diraikan dalam Majlis Paluan Berundur yang menyaksikan beliau dianugerahkan gelaran ‘Tokoh Pembangunan SPRM’ atas segala jasanya kepada SPRM, terutama dalam aspek pembangunan kompleks pejabat dan modal insan.

Dalam majlis penuh istiadat itu, Dato' Sri Zakaria turut melancarkan buku biografinya yang bertajuk ‘Man Ana: Memoir Tokoh Pembangunan SPRM’. Melalui buku ini, beliau berkongsi pengalaman pahit manis sebagai pegawai BPR/SPRM.

Terkenal sebagai seorang yang amat tegas tetapi merendah diri, Dato' Sri Zakaria memulakan kerjaya di BPR sebagai Pegawai Siasatan pada 2 Ogos 1982.

Sepanjang perkhidmatan, beliau pernah bertugas di beberapa buah negeri di Semenanjung dan Sarawak. Penempatan pertama beliau sebagai Pegawai Siasatan adalah di Bahagian Siasatan. Hampir lapan tahun sebagai Pegawai Penyiasat Kanan (SIO), beliau diberi kepercayaan menggalas tugas sebagai Timbalan Pengarah BPR Negeri Sarawak mulai 1 November 1989. Beliau berkhidmat di BPR Sarawak selama hampir tujuh tahun sehingga tahun 1996 termasuk menjalankan tugas selaku Pengarah BPR Sarawak hampir dua tahun setelah Pengarah BPR Sarawak berpencen tanpa pengganti.

Pada tahun 1996 beliau dipindahkan semula ke Ibu Pejabat BPR selaku Ketua Pentadbiran Siasatan. Selepas

tiga tahun, beliau diberi amanah baru untuk memegang jawatan Pengarah BPR Pahang.

Setelah berjaya memperoleh Sarjana Pengurusan Pentadbiran (Pengurusan Sumber Manusia) dari Universiti Putra Malaysia (UPM), beliau kembali ditempatkan di Cawangan Pentadbiran Siasatan, ibu pejabat BPR.

Tuah ayam jantan nampak di taji, tuah manusia siapa yang tahu? Tidak sampai dua tahun kemudian, beliau dilantik menjadi Pengarah Siasatan BPR, setelah Pengarah Siasatan bersara, mendahului beberapa orang Pengarah Bahagian atau Negeri yang lebih senior pada waktu itu.

Pada 1 September 2006 beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pencegahan) BPR. Walaupun pangkat masih sama tetapi dari segi kedudukan jawatan ini berada dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi BPR.

Bermula dari saat ini beliau diberi kepercayaan untuk memastikan projek-projek pembangunan pejabat-pejabat BPR di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 berjalan lancar. Ini satu lagi amanah dan tanggungjawab yang cukup mencabar. Semasa menjawat jawatan ini, banyak bangunan-bangunan baru SPRM yang berjaya didirikan.

Pada tahun 2010, beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme). Beliau merupakan orang pertama yang memegang jawatan ini dan terus memegang jawatan ini sehingga ke akhir perkhidmatan beliau.

Dato' Sri Zakaria pernah berkata, beliau memilih untuk berkhidmat dengan SPRM kerana tugas sebagai pegawai SPRM adalah mulia kerana ‘mencegah orang masuk neraka’.

SPRM MELANCARKAN ANTI-CORRUPTION AND ETHICS (ACE) CENTRE



PUTRAJAYA, 6 Oktober – Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melancarkan sebuah pusat khidmat nasihat dan rujukan amalan-amalan baik berkaitan pencegahan rasuah yang diberi nama Anti-Corruption and Ethics (ACE) Centre. Majlis Pelancaran ACE disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Datuk Paul Seng Kuan.

Di bawah Program Transformasi SPRM, ACE dibentuk untuk menangani isu-isu rasuah dengan memfokuskan aspek meningkatkan pengetahuan dan pendidikan berkenaan dengan usaha pencegahan rasuah dan mempromosikan standard profesionalisme yang tinggi bersandarkan kepada prinsip kejujuran dan budaya berintegriti.

ACE yang diletakkan di bawah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan SPRM akan bertindak sebagai satu platform yang akan menyediakan pelbagai maklumat mengenai jenayah rasuah dan juga keperluan pencegahan rasuah bagi sektor awam dan swasta.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan), Datuk Mustafar bin Ali berkata, ACE akan bertindak sebagai pusat sumber dan pengetahuan atas talian dan beliau yakin rasuah dapat diatasi secara menyeluruh di sektor swasta.

“ACE memberi fokus kepada penglibatan komuniti perniagaan dalam pencegahan rasuah. Pengetahuan

dan maklumat yang disediakan akan merangkumi aspek asas mengenai rasuah dan juga mengenal pasti amalan-amalan baik yang diperlukan serta boleh digunakan oleh sebuah organisasi untuk dijadikan kawalan dalam menjauhi rasuah,” kata beliau dalam ucapan pada majlis pelancaran ACE.

Sementara itu, Datuk Paul menyifatkan pelancaran ACE sebagai titik tolak dalam mewujudkan persekitaran bebas rasuah di Malaysia dalam jangka panjang.

Dalam ucapannya, beliau juga menyeru sektor swasta agar mengamalkan pendekatan dan cara baru menjalankan perniagaan yang mengutamakan amalan baik bagi mengelakkan pelakuan rasuah.

“Sudah sampai masanya pihak swasta mempertimbangkan amalan pendekatan baharu mengendalikan perniagaan yang seiring dengan amalan-amalan negara lain,” kata beliau.

ACE sebagai entiti terbaru SPRM akan bekerjasama rapat dengan Kementerian Kerja Raya, CIDB Malaysia dan CIDB Holdings bagi mencapai matlamat yang disasarkan. Sektor pembinaan adalah permulaan ke arah itu.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Ketua Eksekutif Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Dato’ Sri Prof. Ir. Dr. Judin bin Abdul Karim.

WAR AGAINST CORRUPTION IS A WAR FOR ALL

by Walter Sandosam

Corruption is one of the most potent hindrances to the economic development of a nation. The battle against corruption has become more complicated and it should be tackled in a holistic manner. Fighting corruption is a war everyone should be involved in. Politicians especially should ‘walk the talk’ as the general perception, as reflected in global perception indexes, is that they are corrupt. It is the ‘tone at the top’ which is of paramount importance as they are elected representatives of the people.

The government’s commitment to fight corruption was formalised when the Anti-Corruption Agency was replaced by the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) in 2009. The existence of the MACC as an independent enforcement agency is recognised by the United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC).

This is especially so given that there are five independent oversight bodies, whose members include members of Parliament from the ruling and opposition parties, representatives of non-governmental organisations, professional groups and former civil servants, established as a check and balance mechanism to monitor the functions of the MACC.

These bodies were established to monitor and to ensure that the MACC discharged its duty in an independent, transparent and professional manner as outlined by its founding act, the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 (MACC Act 2009). Several segments of the society, including political parties, have opined that the MACC should emulate the ICAC Hong Kong, KPK Indonesia, or even anti-corruption agency in China, to ensure that the MACC has greater credibility and capability to combat corruption. Is this necessary?

While the MACC is serious and persistent in fighting corruption, there are still some parties who question the effectiveness of the commission. This does not reflect reality. The latest operations in Sabah and Sarawak, for instance, are commendable.

The integrated operations involving the MACC, the Inland Revenue Board of Malaysia, the Forestry Department and the Royal Customs and Excise Department should be a warning to any other companies in Malaysia which are involved in the logging and timber sector that the MACC is serious and will not compromise on corrupt practices. Those found guilty must be punished severely including revoking of licenses and blacklisting.

Nevertheless certain parties have passed disparaging comments on the stern action taken against the illegal logging activities in the fight against corruption. This even though the MACC has indicated that the commission would consider releasing some of the frozen accounts to cover operating costs such as salaries if there is a basis for it provided by the respective companies as this was a bone of contention. Fighting corruption is not easy.

On the 1MDB issue, the advisory board of the MACC has proposed that a joint task force with other agencies, who have a wider jurisdiction, be formed to investigate further on possible

improper conduct which may or may not involve elements of corruption. This is positive.

While the MACC has been fair, transparent and professional in carrying out its investigations, it also faces some constraints under the current act. The latest calls to empower the MACC further have come from an NGO, the National Oversight and Whistleblowers (NOW), and also the Anti-Corruption Advisory Board (Acab), one of the five oversight bodies of the MACC.

The MACC has on many occasions, which is also stressed in the Acab and SCC annual reports, called upon members of Parliament to support the amendment to the Federal Constitution specifically to manage the appointment and termination of the MACC chief commissioner and to set up an independent service commission for the MACC. This is to increase its independence and effectiveness in fighting graft.

This proposal is not only recognised by the UN Convention Against Corruption (UNCAC), it is a step that will meet the aspirations of the people who continuously demand for a higher commitment towards combating corruption.

The proposed amendment to Section 23 of the MACC Act 2009 should also be speeded up. This is to ensure that members of the administration and civil servants do not manipulate any weaknesses found in the current provisions of the law, especially those involving the provision of tenders, contracts, awarding of government projects and land alienation.

One of the constraints the MACC faces continuously is to investigate the financial and property ownership of individuals who have excessive wealth and are suspected of corruption. It should be incumbent upon an elected official or civil servant with a lifestyle which is manifestly unsupported by his/her known sources of income to account for his/her wealth. This is matter of grave concern to our civil society.

In this regard, it is imperative to ensure that Section 36 of the MACC Act 2009 is amended to enable the commission to compel individuals to declare their assets. Currently, there is no such provision. MACC has also requested to amend its act to include the provisions on misconduct in public office and corporate liability for acts of corruption.

Having said all this, it has to be emphasised that it is a massive task for one particular enforcement agency alone to tackle corruption. In this context, the MACC has to be given unfettered support and cooperation by all stakeholders collectively to eradicate this social menace.

The legal framework has to change and the sooner the better. Graft can and will derail all the good intentions and sound economic initiatives as contained in the 11th Malaysia Plan as there are parasites in our society. The authorities should have the full backing of the law and the collective support of Malaysians from all walks of life to eradicate this menace without mercy. ♦

*Walter Sandosam is a member of Consultation and Corruption Prevention Panel of MACC.

JANJI PILIHAN RAYA BUKAN RASUAH

oleh: Mohamad Tarmize bin Abdul Manaf

Manifesto atau janji yang dilaung-laungkan sepanjang pilihan raya berlangsung dibuat untuk mempengaruhi, mendorong individu atau pengikut supaya memberikan kepercayaan dan sokongan kepada si pembuat janji atau parti yang bertanding.

Janji-janji ini merupakan salah satu faktor penting yang menjadi kayu pengukur kepada pengundi untuk membuat keputusan.

Adakah manifesto atau janji pilihan raya yang dibuat oleh parti kerajaan atau pembangkang kepada pengundi pengundi ditakrifkan sebagai rasuah dan menjadi kesalahan di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Pilihan Raya dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009?

Untuk menjawab soalan tersebut, keputusan kes Teoh Teik Huat lawan Lim Kean Siew & Anor tahun 1981 wajar direnungi. Kes ini berhubung kenyataan YB Tengku Razaleigh selaku Menteri Kewangan untuk memberikan peruntukan kewangan yang besar sekiranya BN menang bagi pilihan raya kawasan Pengkalan Kota. Dalam kes tersebut Hakim telah memutuskan bahawa janji-janji pilihan raya seperti itu tidak menjadi suatu kesalahan rasuah.

Antara intipati penghakiman dalam kes ini adalah seperti berikut:

"The corrupt intention and corrupt inducement to the electors or voters to vote or refrain from voting must exist. The corrupt practice of bribery which is criminal offence by statute must be strictly proved beyond all reasonable doubt by clear and unequivocal evidence, and the inducement to vote or refrain from voting must be exercised upon one or more electors or voters who must be identified as the objects to whom it was made or addressed. There is no such specific or identifiable particularity in this case but only an allegation of an address to a faceless and amorphous crowd of somewhat unanalyzed fluidity of over 1,500 people said to have been largely compromised of electors or voters and people of the constituency."

"Tengku Razaleigh was not himself the Barisan Nasional candidate in the election and there is no reason why he should pledge his personal fortune."

"Moreover a promise of public action made by Tengku Razaleigh is in his capacity as a Minister in Charge of the country fiscal portfolio."

Disimpulkan kepada penghakiman di atas, janji-janji politik yang dibuat oleh seseorang calon itu tidak diklasifikasikan sebagai rasuah atas fakta-fakta berikut:

- Janji yang dibuat oleh YB Tengku Razaleigh dibuat atas kapasitinya sebagai Menteri yang bertanggungjawab dalam soal kewangan negara;
- Majlis tersebut tidak hanya mengumpulkan pengundi dari kawasan yang dijanjikan pembangunan itu sahaja;
- Sebaliknya dihadiri ribuan penyokong termasuk penduduk tempatan, orang luar dan rakyat dari daerah-daerah yang lain;
- YB Tengku Razaleigh bukan juga merupakan calon yang bertanding;
- Kepentingan peruntukan yang diberikan adalah untuk rakyat keseluruhannya dan bukannya untuk kepentingan individu tertentu;
- Tiada unsur paksaan dalam mengundi mana-mana calon; dan
- Peruntukan yang dijanjikan bukan wang peribadinya tetapi adalah peruntukan kerajaan pusat.

Diharap penjelasan dan fakta ini boleh menjadi panduan kepada semua pembaca. SPRM tidak pernah menyebelahi mana-mana parti politik dalam membanteras gejala rasuah. Siasatan SPRM berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada. Sekiranya menemui bukti kukuh dalam siasatan terhadap mana-mana individu sama ada dari parti pemerintah atau pembangkang, individu tersebut tetap akan dibawa ke muka pengadilan. ↗

SPRM Terima Dua Anugerah Cemerlang ICT Agensi

PUTRAJAYA, 8 Oktober 2015 - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melakar sejarah apabila berjaya memenangi dua daripada 13 anugerah Sijil Pengiktirafan Pelaksanaan Cemerlang ICT Agensi. Dua anugerah itu ialah *Excellence in Analytic Business Operation Award* dan *Excellence in Analytic Employee Innovation Award*.

SPRM dipilih menerusi penyertaan dalam Kaji Selidik Pelaksanaan ICT Sektor Awam, yang memfokus bidang analisis, data, strategi analisis, data dan taktik analisis, penerimaan mobiliti, penggunaan media sosial dan infrastruktur bestari, anjuran Malaysian Development Corporation (MDeC) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU).

Anugerah disampaikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa pada majlis penyampaian anugerah yang diadakan sempena Forum dan Wadah Perkhidmatan Digital Kerajaan di Menara Seri Wilayah, Putrajaya.

Bagi pihak SPRM, anugerah diterima oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pengurusan dan Profesionalisme) SPRM, Dato' Mohamad Jamidan Abdullah.

Mengulas mengenai kejayaan ini, Dato' Mohamad Jamidan berkata, SPRM berbangga dengan pencapaian ini, yang merupakan hasil gandingan setiap warga kerja SPRM khususnya Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat (BPRTM).


Katanya, penerimaan anugerah ini menunjukkan bahawa siri inisiatif yang diambil sejak pelaksanaan Program Transformasi secara holistik sudah mula membawa hasil dan diiktiraf.

Dalam pada itu, Pengarah BPRTM, KPKPj Nor Azmi bin Karim yang turut hadir pada majlis penganugerahan berkata, antara inisiatif ICT lain yang sedang dibangunkan adalah *Corruption Intelligence System* (CIS), *Exhibits Management System* dan Sistem Pengurusan Saksi yang mampu meningkatkan pengurusan operasi serta keyakinan masyarakat terhadap SPRM.

“Pada masa yang sama, SPRM juga telah berjaya menaik taraf dan mengekalkan Pensijilan Standard ISO/IEC27001:2013 *Information Security Management System* (ISMS) selama tiga tahun berturut-turut,” ujarnya.

“Selain itu, portal SPRM telah dianugerahkan penarafan lima bintang pada tahun 2015 oleh MDeC dan MAMPU.”

Lawatan dan Kunjungan Hormat PPPR ke Sarawak



KUCHING, 29 Oktober 2015 – Satu kunjungan hormat kepada Ketua Menteri Sarawak diadakan oleh ahli-ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR) yang merupakan salah satu badan pemantau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Kunjungan hormat ini diadakan sebagai penghormatan dan penghargaan kepada pentadbiran pimpinan YAB Tan Sri Adenan bin Satem yang dilihat begitu komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif pencegahan rasuah dan peningkatan integriti di negeri itu.

Selain kunjungan, pelbagai perkara dibincangkan dalam pertemuan tersebut. Antaranya, inisiatif-inisiatif terkini yang diambil oleh Kerajaan Negeri Sarawak dalam usaha menangani gejala rasuah. Maklumat daripada pertemuan tersebut boleh dijadikan amalan baik yang boleh dikongsi dengan negeri-negeri lain.

Lawatan dan kunjungan hormat PPPR kepada pimpinan tertinggi negeri ini merupakan kali kedua diadakan pada tahun ini.

Sebelum ini, pada 2 Jun 2015, PPPR mengadakan kunjungan hormat ke atas YAB Ketua Menteri Melaka, Dato' Sri Ir. Idris bin Haron dan exco-exconya.

PPPR mengadakan mesyuarat setiap bulan memberi fokus kepada aspek pencegahan rasuah dan pendidikan bagi mendapatkan sokongan masyarakat. Pertemuan sebegini merupakan salah satu aktiviti keterlibatan (*engagement*) PPPR ke atas pimpinan pentadbiran sebuah negeri.

Kolokium Tadbir Urus Integriti Kerajaan Negeri Melaka

KUALA LUMPUR, 13 September 2015 – Dalam usaha memastikan keberkesanan dalam tadbir urus jabatan dan agensi kerajaan serta membanteras rasuah, Kerajaan Negeri Melaka dengan kerjasama SPRM Melaka mengadakan Kolokium Tadbir Urus Integriti.

Kolokium selama dua hari iaitu pada 12 dan 13 September 2015 berlangsung di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA). Ia melibatkan Ketua Menteri Melaka, Setiausaha Negeri Melaka, Senator Dewan

Rakyat, Timbalan Speaker Dewan ADUN dan Exco-exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri Melaka serta ketua-ketua jabatan negeri Melaka.

Antara isu yang dibincangkan dalam kolokium ini adalah amalan tadbir urus yang baik serta nilai integriti yang merupakan aspek penting dalam pentadbiran kerajaan.

Pimpinan Kerajaan Negara Melaka turut diminta mengamalkan ketelusan dan akauntabiliti dalam setiap perkara yang dilaksanakan.

Pimpinan kerajaan negeri dan agensi mesti memanfaatkan platform yang disediakan SPRM untuk mengukuhkan nilai integriti dalam pentadbiran awam.

Selain itu, diadakan Majlis Ikrar Integriti yang diketuai oleh Ketua Menteri Melaka, Dato' Sri Ir. Idris bin Haron. Hadir dalam kolokium ini adalah Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Mustafar bin Ali. ♀



Dato' Sri Idris dan Datuk Mustafar bergambar kenangan bersama Exco dan Adun Negeri Melaka yang menyertai Kolokium Tadbir Urus Integriti.

Program *Integrity Running Challenge* - Semai Nilai Integriti Pelajar

PERLIS, 17 Oktober 2015 - Usaha untuk memupuk nilai integriti serta menghayatinya memerlukan komitmen yang berterusan serta penglibatan daripada semua pihak dari segenap lapisan masyarakat. Sehubungan itu, Sekretariat Pencegahan Rasuah Universiti Malaysia Perlis (SPR UNIMAP), menganjurkan Program Integrity Running Challenge.

Program sehari ini bermula seawal jam 8.00 pagi dan berakhir sekitar jam 2.00 petang di Pusat Sumber Mekatronik, Kampus Tetap Pauh Putra, UNIMAP.

Objektif utama program ini adalah untuk menyemai nilai-nilai integriti dalam diri seseorang pelajar yang bergelar mahasiswa dan mahasiswi universiti. Selain itu,

ia juga bertujuan untuk mempromosi dan memberikan ilmu mengenai kewujudan SPR kepada mahasiswa dan mahasiswi UNIMAP.

Program ini bermula dengan alunan bacaan Surah Al-Mathurat yang diketuai oleh Encik Saleh sebelum peserta *Integrity Running Challenge* dilepaskan.

Majlis penutup program dirasmikan oleh Pengarah SPRM Perlis, PPj Yaacop bin Angah dan dihadiri oleh Timbalan Canselor HEPA UNIMAP, Prof. Madya Dr Mohd Foad bin Sakdan serta dif-dif jemputan.

Secara keseluruhannya program dan aktiviti yang dijalankan oleh kelab SPR UNIMAP ini berkesan dan berjaya mencapai matlamat utama penganjuran yang dibuat. ♀

JANGAN MUSNAHKAN INTEGRITI GENERASI KITA



JANGAN BERI, JANGAN TERIMA
RASUAH



E-mel : info@sprm.gov.my
Web : www.sprm.gov.my
SMS : 019 6000 696
Talian bebas Tol : 1 800 88 6000

Anda
Boleh Lakukan Perubahan
PERANGI
RasuaH